



Memahami dan Mendalami *Fiqh al-Hadith*

Ahmad Akram Mahmad Robbi

Dalam catatan sejarah perundangan Islam, selain kitab al-Quran, hadis Nabi Muhammad SAW juga merupakan rujukan yang muktabar untuk memberikan keterangan berkenaan hukum-hakam yang berkaitan dengan ibadat dan muamalat manusia. Hadis mempunyai peranan yang penting untuk memastikan kefahaman para sahabat ketika itu agar menepati kehendak syarak. Oleh itu, apabila membincangkan sesuatu hadis, para sahabat tidak mengambil mudah ucapan yang disandarkan kepada kata-kata atau perbuatan Rasulullah SAW.





Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, hadis Nabi Muhammad SAW atau dikenali juga sebagai sunah secara literalnya difahami sebagai sirah atau jalan kebiasaan. Dasar bagi makna tersebut diambil daripada inti pati hadis Nabi Muhammad SAW seperti yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi dalam Kitab *al-Sunan*, iaitu “Barang siapa yang melakukan sesuatu sunah (cara hidup) yang baik, baginya pahala amalannya dan amalan orang yang mengikutinya. Barang siapa yang melakukan sesuatu sunah (cara hidup) yang jahat, baginya balasan disebabkan perbuatannya dan perbuatan orang yang mengikutinya.”

Hadis secara umum diiktiraf sebagai sumber kedua dalam perundangan Islam. Dr. Mustafa al-Siba'i menekankan bahawa untuk mengetahui tentang halal dan haram sesuatu perkara, setiap manusia yang diutus syariat kepadanya wajib merujuk hadis Nabi Muhammad SAW. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap ucapan yang terbit daripada lisan Baginda bukanlah pendustaan, bahkan wahyu yang turun daripada Allah SWT seperti yang dijelaskan dalam firman-Nya yang bermaksud, “Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.” (*Surah al-Najm* 53:3-4).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa autoriti hadis Nabi Muhammad SAW sama nilainya dengan al-Quran dari aspek wahyu. Hal ini turut dijelaskan oleh Abdul Ghani Abdul Haq bahawa hadis dan al-Quran mempunyai fungsi yang sama sebagai sumber hukum. Hadis juga merupakan wahyu seperti al-Quran. Oleh hal yang demikian, umat Islam wajib menjadikan hadis sebagai hujah dan tidak membelakangkannya. Mereka wajib mematuhi perintah atau larangan Nabi Muhammad SAW sama ada melalui ucapan, perbuatan atau ikrar Baginda. Maka itu, terbit kesepakatan bertaraf ijmak, iaitu sumber hukum ketiga selepas al-Quran dan sunah dalam kalangan sarjana tentang autoriti hadis Nabi Muhammad SAW. Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, para sahabat telah sepakat untuk wajib mengikuti hadis Nabi Muhammad SAW sewaktu hayat

Baginda atau setelah kewafatannya. Para sahabat juga melaksanakan hukum-hakam daripada hadis sama ada dalam bentuk perintah atau larangan. Bahkan, mereka tidak meletakkan hukum yang datang daripada al-Quran pada kelas yang berbeza dengan hukum yang disandarkan kepada hadis Nabi Muhammad SAW.

Hadis Nabi Muhammad SAW ialah gagasan yang mengutarakan keperluan untuk mencapai objektif syariah dalam setiap perilaku manusia. Oleh itu, apabila dilihat secara terperinci, jelas terdapat hubungan yang signifikan antara ucapan atau perbuatan Nabi Muhammad SAW dengan maqasid syariah. Menurut Dr. Nuruddin al-Khadimi, hadis ialah sumber perundangan Islam yang kedua untuk menerangkan objektif syarak. Dalam beberapa keadaan, ada kalanya hukum-hakam yang diperoleh daripada hadis Nabi Muhammad SAW bersifat bersendirian, yakni hukum yang dinyatakan tidak disebutkan dalam al-Quran secara jelas. Hal ini membuktikan bahawa hadis atau sunah diiktiraf sebagai sumber yang berautoriti dalam perundangan Islam untuk mencapai objektif syarak, iaitu mendatangkan kemaslahatan dan menolak bahaya.

Walau bagaimanapun, diskusi ilmu hadis tidak sekadar menyentuh persoalan perintah atau larangan Nabi Muhammad SAW. Realitinya, perbincangan ini jauh lebih luas sehingga menyentuh persoalan metodologi para sarjana berinteraksi dengan teks wahyu. Apabila membabitkan soal hukum, natijahnya mungkin terbatas kepada lima hukum asal, iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Namun begitu, hal ini berbeza dengan perbincangan yang menyentuh inti sari daripada ucapan atau perbuatan Nabi Muhammad SAW kerana melahirkan konklusi yang pelbagai memandangkan ruang mentafsir teks wahyu terbentang luas bagi mereka yang layak dan berautoriti.

Bidang *fiqh al-hadith* ini sangat berkaitan dengan cabang ilmu maqasid syariah. Sejauh manakah ijthad yang terbentuk meraikan objektif syariah? Dari sudut lain, mungkin ada ijthad yang tidak selari dengan objektif syariah, bahkan bercanggah dengan logik akal manusia yang waras.



Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Pada habbatussauda terdapat penawar segala jenis penyakit kecuali kematian." (Hadis riwayat al-Bukhari). Apabila hadis ini difahami secara zahir tanpa mengambil kira objektif di balik perintah Nabi Muhammad SAW, maka akibatnya berlakulah salah faham terhadap maksud hadis. Menurut Profesor Dr. Ali Mayhiddin al-Qurrah Daghi, terdapat kaedah yang mesti diteliti untuk memahami hadis ini. Hal yang penting dalam perutusan Rasulullah SAW ini bukanlah untuk menjadi seorang tabib, namun sebagai pembimbing manusia menuju hidayah. Bagi memahami hadis ini dengan kefahaman yang bertepatan dengan objektif syarak, manusia perlu memahami latar belakang hadis ini sebagai kunci penting untuk memahami konteks hadis ini diucapkan.

Profesor Dr. Ali Mayhiddin al-Qurrah Daghi turut menjelaskan bahawa ciri-ciri pengucapan Nabi Muhammad SAW dalam hal ehwal perubatan tidak sama seperti pengucapan Baginda sewaktu menerangkan hukum perundangan Islam. Ibn Qutaibah al-Dainuri pula mengklasifikasikan tidak semua hadis membawa mesej syarak semata-mata. Ada sebahagian hadis yang berperanan sebagai bimbingan sahaja. Ketika mensyarahkan hadis ini, Ibn Hajar al-Asqalani menukulkan kata-kata al-Khattabi bahawa maksud bagi "penawar bagi segala jenis penyakit" merupakan ungkapan umum yang terikat dengan konteks tertentu. Dalam isu ini, habbatussauda merupakan penawar bagi segala jenis penyakit berciri lembap atau sejuk seperti selesema. Menurut Ibn Hajar, penyakit yang berciri haba dan panas, maka habbatussauda tidak memberikan kebaikan. Hal ini disebabkan sifat semula jadinya yang panas, maka habbatussauda bertindak sebagai penawar bagi jenis penyakit yang berciri sejuk.

Contoh lain salah memahami maksud hadis disebabkan tidak menghubungkan hadis dengan objektif syariah ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah daripada Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, "Janganlah seorang daripada kalian membuang air kecil di kawasan air yang bertakung,

kemudian mandi menggunakan air tersebut." Dalam riwayat lain, "Berwuduk dengannya." Sebahagian sarjana Islam memahami hadis ini secara literal tanpa memperhalus objektif di balik ucapan Nabi Muhammad SAW. Kesannya, ijtihad yang lahir bercanggah dengan objektif syarak, malah lebih teruk apabila ijtihadnya bercanggah dengan akal manusia yang sihat. Bagaimana mungkin seseorang ingin beramal dengan sesuatu amalan jika akalnya menafikan kesahihan amalan tersebut, sedangkan perundangan Islam yang diturunkan melalui al-Quran dan hadis tidak menyalahi fungsi akal manusia.

Menurut pandangan Ibn Hazm, seorang sarjana bermazhab literal, sekiranya seseorang membuang air besar di tempat air bertakung, maka tidak menjadi kesalahan untuk seseorang mandi atau berwuduk dengan air tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana ucapan Baginda hanya menyebutkan perbuatan membuang air kecil, dan bukan membuang air besar. Beliau menegaskan bahawa sekiranya Baginda melarang selain daripada perbuatan membuang air kecil, mengapa Baginda mendiamkan hal tersebut tanpa sebarang uzur atau lupa.

Tafsiran Ibn Hazm disanggah oleh Yahya bin Syaraf al-Nawawi. Menurut al-Nawawi, mazhab (Ibn Hazm) ini suatu yang ganjil dan membawa kepada keburukan, serta tidak boleh dijadikan hujah. Menurut al-Nawawi, berlaku kesepakatan bertaraf ijmak bahawa perbuatan membuang air besar juga termasuk maksud larangan dalam hadis berkenaan.

Sememangnya mendalami *fiqh al-hadith* berteraskan kefahaman objektif syarak memandu manusia memahami tafsiran setiap sabda Nabi Muhammad SAW. Sebagai contoh, Ibn Umar meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW yang bermaksud, "Barang siapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia dalam kalangan mereka." (Hadis riwayat Abu Dawud). Sekiranya hadis ini difahami tanpa panduan, maka boleh menyebabkan salah faham ketika ingin mengamalkannya. Hal ini dikatakan demikian kerana hadis ini tidak menyebutkan secara jelas larangan tersebut.



Untuk memahami setiap mesej Nabi Muhammad SAW, kefahaman tersebut perlu berteraskan tafsiran yang tepat mengikut konteks, serta latar masa dan tempat yang tepat.”

Ibn Taimiyah al-Harrani menjelaskan bahawa maksud hadis ini menurut konteks semasa. Beliau berpandangan bahawa objektif daripada larangan menyerupai orang kafir adalah untuk menzahirkan kekuatan orang Islam di hadapan orang kafir zimmi. Daripada kenyataan ini, mesej yang ingin disampaikan oleh Ibn Taimiyah ialah umat Islam wajar memiliki identiti tersendiri. Namun begitu, sekiranya orang Islam berada dalam jumlah yang kecil dan lemah, maka tidak perlu menzahirkan kekuatan mereka, bimbang sekiranya tindakan mereka akan mendatangkan keburukan yang lebih dahsyat. Tafsiran ini dilihat relevan sekiranya seseorang Muslim berada di negara bukan Islam. Hal ini bagi mengelakkan fitnah dan kerosakan yang bakal mereka hadapi sekiranya mereka secara terang-terangan menyanggah tradisi atau amalan sesebuah negara dan masyarakat.

Tuntasnya, untuk memahami setiap mesej Nabi Muhammad SAW, kefahaman tersebut perlu berteraskan tafsiran yang betul mengikut konteks, serta latar masa dan tempat yang tepat. Hal ini bagi mengelakkan salah faham yang wujud disebabkan gagal memahami unsur yang dinyatakan sebelum ini. Tidak semua hadis berada pada kedudukan yang sama. Kadangkala ucapan Nabi Muhammad SAW bersifat menerangkan hukum, dan ada kalanya sekadar nasihat dan bimbingan. Oleh itu, janganlah terlalu mudah mentafsirkan sesuatu hadis tanpa memahami fiqahnya.

Bagi mengelakkan salah faham terhadap maksud hadis, masyarakat hendaklah merujuk tulisan para sarjana yang mensyarahkan ucapan Nabi Muhammad SAW tersebut. Maka itu, hubungan antara hadis dengan objektif syarak dapat diintegrasikan sekali gus menghasilkan kebaikan dan mengangkat kemudharatan sama ada secara individu atau masyarakat. **DTI**